



مجلس بندرایا قتالیغ جای
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
PUBLISITI DI BAWAH SEKSYEN 12A**

**NOTIS PEMBERITAHUAN PUBLISITI BERKAITAN DENGAN PENYEDIAAN
AWAL DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 19, 51 DAN 51A,
PETALING JAYA YANG BOLEH DIDAPATI UNTUK DIPERIKSA.**

**PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 19, 51 DAN 51A,
PETALING JAYA**

ADALAH DENGAN INI DIBERI NOTIS bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah berhasrat untuk menyediakan suatu draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 19, 51 dan 51A, Petaling Jaya.

DAN menurut Seksyen 12A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, MBPJ hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat MBPJ akan memastikan :

- (a) “Bahawa publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf rancangan kawasan khas yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;
- (b) Bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian.”

MAKA DENGAN INI pihak-pihak yang berkenaan adalah dipelawa dan bolehlah membuat pemeriksaan kepada perkara-perkara yang MBPJ bercadang untuk mengambil kira di dalam penyediaan awal Draft Rancangan Kawasan Khas Seksyen 19, 51 dan 51A, Petaling Jaya dan seterusnya bolehlah membuat representasi kepada MBPJ berhubung dengan penyediaan tersebut mulai 30hb April 2024 hingga 30hb Mei 2024 di Lobi Ibupejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya pada waktu pejabat (8.30 pagi hingga 5.30 petang).